

→ MASYARAKAT

Tiram Travel tawar pakej umrah menarik

→ Harga RM5,390 ke Makkah,
Madinah bermula Oktober 2019

Oleh Izlaily Nurul Ain
Husein
izlaily@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

Syarikat pengurusan umrah dan haji, Tiram Travel Sdn Bhd (Tiram Travel) melancarkan pakej lebih menarik, kepada jemaah yang bakal mengerjakan umrah bermula akhir Oktober 2019 dengan tawaran diskaun istimewa.

Pengurus Operasi Tiram Travel, Rohaidah Khamis, berkata pakej menarik itu ditawarkan kepada jemaah yang ingin mengerjakan um-

rah dengan harga promosi, bermula daripada RM5,390 seorang berbanding harga pasaran RM5,990.

Katanya, pakej berkenaan dianggap murah, kerana turut menyediakan penginapan hotel yang dekat dan selesa di Makkah serta Madinah.

Deposit RM500

"Untuk pakej berkenaan, kelengkapan istimewa diberi kepada jemaah yang mendaftar dan tempahan boleh dibuat dengan deposit serendah RM500.

"Deposit akan dipulangkan sekiranya jemaah menarik diri da-



Mutawwif berpengalaman disediakan bagi membimbing jemaah umrah di Madinah dan Makkah.

lam tempoh empat bulan sebelum tarikh penerbangan.

"Kami mengekalkan penginapan di Safwah Tower, Makkah dengan jarak hanya 50 meter dari Masjidil Haram, selain turut menyediakan makanan berkonsep Asia disediakan hotel. Jarak hotel di Madinah pula hanya 150 meter dari masjid," katanya.

Beliau berkata, jemaah akan diiringi dan dibimbing mutawwif ber-

pengalaman dari Malaysia, malah bagi memenuhi permintaan jemaah wanita, Tiram Travel turut memperkenalkan pakej dua mutawwif wanita bagi satu kumpulan 45 jemaah.

Katanya, mutawwif wanita diperkenalkan bagi tarikh terpilih pada Oktober, November dan Disember; manakala mutawwif wanita yang juga mutawwif kedua dikhususkan untuk membantu jemaah di Raudah,

Madinah serta keperluan lain.

"Jemaah boleh membuat pertanyaan lanjut dan tempahan di Ibu Pejabat Tiram Travel atau di 27 cawangan syarikat berhampiran mereka, kerana semua cawangan mempunyai sistem tempahan dalam talian.

"Promosi ini juga membolehkan jemaah membuat perancangan awal untuk mengerjakan umrah tahun ini," katanya.